

SMRT masuki Asia Tenggara, Asia Barat

KUALA LUMPUR 5 Mac - Pembekal penyelesaian pembangunan sumber manusia dan kumpulan perunding, SMR Technologies Bhd. (SMRT) merancang memperluaskan pasaran ke Asia Barat dan Asia Tenggara pada tahun ini.

Pengarah Operasinya, Robert L. H. Lim berkata, pihaknya akan melancarkan lima produk baru bagi memastikan pencapaian matlamat tersebut.

Katanya: "Tumpuan akan diberikan kepada Negara-Negara Teluk dan di Asia Tenggara pula, ia melibatkan Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia.

Lim berkata, pasaran luar negara pada tahun lalu telah menyumbangkan 25 peratus kepada pendapatan SMRT dan diramal meningkat sehingga 40 peratus dalam tempoh empat tahun akan datang.

"Bagaimanapun pasaran tempatan akan kekal menjadi pasaran utama kami

"Produk-produk yang bakal dilancarkan sepanjang tahun ini ialah TrainersVirtualCampus, HRDPortal, Competency Power, HRDPower.Net dan LearningPower.Net," kata Lim kepada Utusan Malaysia di sini.

Lim menambah, produk baru itu juga akan dilancar dan dipasarkan ke 31 buah negara di seluruh dunia yang mempunyai rangkaian perniagaan SMRT sebelum akhir tahun ini.

Langkah ini, kata beliau, seiring dengan potensi dan inisiatif kerajaan di negara-negara berkenaan memperkenalkan sistem dan program pembangunan sumber manusia untuk meningkatkan tahap kecekapan.

Lim berkata, penggunaan produk SMRT kini masih terhad kepada golongan pengurusan khususnya pegawai atasan sesebuah organisasi seperti pegawai pengurus sumber manusia.

"Kami akan mempromosikan produk kami agar sektor-sektor lain turut mengenali dan menggunakannya," kata beliau.

Mengulas hasil kewangan SMRT, Lim berkata, SMRT berjaya meraih keuntungan bersih sebanyak RM3.6 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 berbanding RM2.2 tahun sebelumnya.

"Keuntungan ini diraih menerusi jumlah pendapatan SMRT yang meningkat sebanyak 79 peratus kepada RM7.9 juta bagi tahun kewangan lalu berbanding RM4.2 juta tahun sebelumnya.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 25 peratus disumbangkan oleh hasil perniagaan luar negara," ulas beliau. Segmen pembangunan perisian dan perkhidmatan perundingan teknikal pula merupakan penyumbang terbesar, iaitu sebanyak 95 peratus kepada jumlah pendapatan syarikat, tambahnya.